



Ruj. Kami: KP(PP) SULIT 0056/4/16 JILID 5 ()
Tarikh : 22 Julai 2014
24 Ramadhan 1435H

Semua Ketua Jabatan / Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri

Semua Agensi/ Jabatan Bagi Penempatan Pegawai Pinjaman/
Tukar Sementara/ Kader Perkhidmatan Pendidikan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) UNTUK
MENGISI JAWATAN PENGETUA DAN GURU BESAR BAGI JANUARI – DISEMBER
TAHUN 2015 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengeluarkan penyiaran urusan pemangkuhan Pengetua dan Guru Besar bagi pengisian bulan Januari sehingga Disember 2015 yang akan dibuka pada **23 Julai 2014 (Rabu) sehingga 06 September 2014 (Sabtu)**.

3. Urusan pemangkuhan ini terbuka kepada semua PPP yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus yang ditetapkan seperti berikut :

3.1 Syarat Umum

- 3.1.1 disahkan dalam perkhidmatan (bagi PPP Gred DG29);
- 3.1.2 mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sebanyak 85% berdasarkan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013);
- 3.1.3 bebas daripada tindakan tatatertib;
- 3.1.4 telah mengisytiharkan harta (tempoh lulus isytihar harta tidak melebihi lima (5) tahun);



- 3.1.5 lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.1.6 bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- 3.1.7 diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

3.2 Syarat Khusus

- 3.2.1 telah dinaikkan pangkat ke Gred DG48 (bagi calon Pengetua) atau Gred DG32 (bagi calon Guru Besar) atau sekurang-kurangnya lima tahun di Gred DG29 (bagi calon Guru Besar SKM(B));
- 3.2.2 mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu :
 - Pengetua : Bidang Umum/Teknikal/Pendidikan Islam
 - Guru Besar : Bidang Umum/Cina/Tamil;
- 3.2.3 lulus Program Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) atau Program Kelayakan Profesional Keperolehan (NPQH);
- 3.2.4 mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun berkhidmat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran / Ketua Bidang / Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan yang dilantik secara pentadbiran di SKM(B)/ jawatan-jawatan pentadbiran di PPD / JPN / Bahagian / IAB / IPG / KM;
- 3.2.5 mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tempoh perkhidmatan sebelum bersara (tertakluk kepada tarikh kekosongan); dan
- 3.2.6 melepasi tahap kesihatan yang memuaskan (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2013).

4. Urusan pemangkuan ini akan dibuka secara atas talian (Sistem ePangkat) dan di luar talian (manual) seperti berikut :

JAWATAN DIPOHON	KATEGORI CALON	TATACARA PERMOHONAN
Pengetua Gred DG52	Gred DG48	Sistem ePangkat
Guru Besar Gred DG34	Gred DG32	
Guru Besar Gred DG32	*Gred DG29	Sistem

*Wajib mengisi Lampiran G (seperti di

	perenggan 6.7) dan dikemukakan secara manual kepada Ketua Jabatan	ePangkat
Pengetua Gred DG52	Gred DG52(KUP)	Manual
Guru Besar Gred DG34	Gred DG34(KUP)	
Guru Besar Gred DG32	Gred DG32(KUP)	
Pengetua & Guru Besar	Pegawai-pegawai pinjaman/ tukar sementara, pegawai kader KPM, pegawai yang berada di jawatan kumpulan, cuti belajar, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji	

5. Bagi calon-calon Gred DG52(KUP), DG34(KUP) dan Gred DG32(KUP) yang akan memohon secara manual hendaklah mengisi dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Ketua Jabatan masing-masing:

- 6.1 Lampiran A – Borang BPGB;
- 6.2 Lampiran B – Laporan Kesihatan;
- 6.3 Lampiran C – Laporan Perisytiharan Harta;
- 6.4 Lampiran D – Kenyataan Ketua Jabatan (diisi oleh Ketua Jabatan);
- 6.5 Lampiran E – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan;
- 6.6 Lampiran F – Butir-butir Calon Untuk Tapisan Keutuhan SPRM Tahun 2014 (Mandatori);
- 6.7 Lampiran G – Dokumen pengesahan pengalaman dalam bidang pentadbiran di SKM(B) (bagi calon Guru Besar SKM(B) sahaja); dan
- 6.8 Salinan Sijil NPQH/NPQEL yang telah disahkan.

6. Selaras dengan keperluan maklumat Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), calon-calon dikehendaki untuk mengemaskini maklumat peribadi masing-masing seperti berikut :

PERMOHONAN	TINDAKAN
ePangkat	Mengemaskini maklumat peribadi dalam Modul Maklumat Peribadi, ePangkat

Manual	Mengisi maklumat dalam Lampiran F (seperti diperenggan 6.6 dan mengemaskini maklumat peribadi dalam Modul Maklumat Peribadi, ePangkat
--------	---

7. Tarikh-tarikh penting berikut perlu dipatuhi dalam pelaksanaan urusan pemangkuan ini dan terpakai bagi permohonan melalui Sistem ePangkat dan secara manual iaitu :

PERKARA	TARIKH BUKA	TARIKH TUTUP
iklan permohonan	23 Julai 2014 (Rabu)	06 September 2014 (Sabtu)
Perakuan Pengetua / Guru Besar	07 September 2014 (Ahad)	20 September 2014 (Sabtu)
Pentaksiran dan perakuan oleh JPN/Bahagian kepada BPSM	21 September 2014 (Ahad)	04 Oktober 2014 (Sabtu)

8. JPN/Bahagian hendaklah memastikan proses pentaksiran bagi calon-calon yang memohon melalui Sistem ePangkat dan secara manual dilaksanakan secara serentak dan bersekali. JPN/Bahagian juga perlu memastikan perakuan calon yang memohon secara manual dikemukakan ke BPSM dalam bentuk **hardcopy dan softcopy** dengan menggunakan **Microsoft Access sebelum atau pada 04 Oktober 2014 (Sabtu)**.

9. Tanggungjawab Pengetua/Guru Besar/JPN/Bahagian selaku Ketua Jabatan adalah untuk :

- 9.1 menyemak dan memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan oleh calon-calon yang memohon;
- 9.2 memastikan calon tidak berada dalam tempoh tidak layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat kerana dikenakan hukuman tatatertib; dan
- 9.3 memastikan calon tidak berada dalam tempoh berdenda.

10. Sekiranya senarai calon dan perakuan yang diterima tidak lengkap atau lewat daripada tarikh yang ditetapkan, permohonan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

11. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila rujuk kepada pegawai-pegawai berikut :

	Nama Pegawai	Urusan
11.1	Cik Farhana binti Shabbdin ☎ 03-8884 7935 farhana.shabbdin@moe.gov.my	Pengetua
11.2	Encik Norwin Shariman bin Mohd Nor ☎ 03-8884 7969 norwin.mohd.moe@1govuc.gov.my	Guru Besar – Negeri Pahang, Kedah, W.P. Labuan, W.P. Putrajaya, W.P. Kuala Lumpur dan Melaka
11.3	Cik Sharifah binti Hasain ☎ 03-8884 7883 sharifah.hasain.moe@1govuc.gov.my	Guru Besar – Negeri Sabah, Johor dan Kelantan
11.4	Cik Nora binti Mohd ☎ 03-8884 7905 nora.mohd.moe@1govuc.gov.my	Guru Besar - Negeri Sembilan dan Bahagian-bahagian di KPM
11.5	Puan Nordiyana binti Shahir ☎ 03-8884 7905 nordiyana.shahir.moe@1govuc.gov.my	Guru Besar – Negeri Perak dan Pulau Pinang
11.6	Cik Zairul Aini binti Zainal Abidin ☎ 03-8884 7904 zairulaini.zainal.moe@1govuc.gov.my	Guru Besar – Negeri Selangor, Terengganu dan Pulau Pinang
11.7	Puan Nik Adhhiati binti Nik Ismail ☎ 03-8884 7908 adhhiati.ismail.moe@1govuc.gov.my	Guru Besar – Negeri Sarawak dan Perlis

12. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, urusan ini adalah tertakluk kepada apa-apa semakan oleh Kerajaan kepada terma dan syarat perkhidmatan dari semasa ke semasa.

13. Segala kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berikan dalam melancarkan urusan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(MD. RADZI BIN HASHIM)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar & Pembangunan Pendidikan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Pembangunan dan Profesionalisme Keguruan)

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan Pengajian Tinggi)

Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Timbalan Setiausaha Bahagian (K)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia